

1960 Benua Afrika Merebut Kemerdekaannya

20 Buah Negara Telah Merebut Kemerdekaannya Dalam Masa 10 Tahun

Makalah ini ditulis oleh wartawan Mesir, Habib Jamati, dalam majalah al-Muṣawwar”, membentangkan sejarah perjuangan bumiputera Benua Afrika, yang telah bangun merebut kemerdekaan tanah airnya dari tangan kuasa-kuasa penjajah yang menindasnya – P. Q.

Kejadian-kejadian yang berlaku dengan berturut-turut di Benua Afrika, lebih ganjil dan pelik daripada khayal.

Surat khabar-surat khabar Eropah mengulas dengan kata-kata yang menunjukkan perasaan kecewa dan marah yang tidak berselindung lagi.

Kalangan-kalangan ramai memandang kejadian-kejadian itu dengan tercengang sambil bertanya: Apa akan berlaku sekiranya perkara yang dipandang sebagai khayal itu menjadi suatu hakikat kenyataan?

Di muka hadapan surat khabar-surat khabar Barat, terpampang tajuk-tajuk berita besar yang berbunyi: “Benua hitam bangun daripada tidurnya!” . . . “rakyat yang diperintah, menjadi pemerintah!” . . . “penjajahan sedang nazak!”

Kuasa-kuasa penjajah, yang sekian lama menyangka bahawa Benua Afrika akan berkekalan tunduk untuk dihina dan diperkotak-katikkan, cuba menjalankan langkah-langkah untuk menghadapi taufan yang memunah-ranahkan itu, tetapi

kesudahannya, mereka terpaksa tunduk menyerah kepada kenyataan.

Pada tiap-tiap tahun, Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu dalam persidangannya, mendapati dirinya berhadapan dengan kedudukan yang baharu, dan mahu tak mahu terpaksa sah dia mengiktiraf dan mengakuinya.

Penjajahan telah lenyap dari beberapa buah negeri di benua Afrika pada beberapa tahun yang lepas, dan akan lenyap pada tahun 1960 ini dari Nigeria, Togoland, Kenya dan Somaliland. Kesemuanya akan menjadi negara yang merdeka.

Angka-angka dan Sejarah

Selepas perang dunia yang pertama, tidak ada di Benua Afrika selain daripada dua buah negeri yang merdeka dengan sebenar-benarnya, iaitu negeri Habshah di Afrika Timur, dan Liberia di Afrika Barat. Afrika Selatan yang terletak

dalam lingkungan Commonwealth, sebenarnya masih terhad kemerdekaan.

Sebelum perang dunia yang kedua, hanya sebuah negeri di Benua Afrika yang masih menikmati kemerdekaannya iaitu Liberia, setelah negeri Habshah ditakluk oleh Itali – oleh Mussolini pada tahun 1935.

Luasnya negeri “Liberia” itu ialah 110 kilo meter persegi dan penduduknya berjumlah dua juta setengah.

Berbanding dengan benua Afrika yang luasnya 30, 300, 000 kilometer persegi dan penduduknya berjumlah 210 juta.

Dari perbandingan itu nyatalah bahawa 30, 290, 000 kilometer persegi dari Benua Afrika telah dicengkam oleh kuasa-kuasa penjajah, dan 207, 500, 000 dari penduduknya (atau 99 peratus dari seluruh

penduduknya) telah dirampas kemerdekaan mereka, dikecualikan sedikit yang mendapat kebebasan yang terhad.


Kerajaan-kerajaan penjajah yang telah menjajah dan membahagi-bahagikan benua Afrika sesama sendiri ialah: Perancis, Inggeris, Itali, Belgium, Sepanyol dan Portugis.

Kuasa-kuasa penjajah-penjajah inilah yang telah (dan masih) menjajah negeri-negeri di Afrika dan pada setengah-setengah negeri-negeri itu mereka mendapat bantuan dari anak negeri yang memberi kesempatan kepada mereka untuk menjajahnya terus menerus, kerana tiap-tiap negeri di Benua Afrika – malangnya – ada anak negerinya dari golongan yang mementingkan diri dan pengkhianat, yang menentang bangsanya sendiri dan menjadi alat kepada penjajah.

Penjajah pula sengaja membiarkan penduduk negeri-negeri yang dijajahnya dalam keadaan mundur dan lemah, supaya

Peta benua Afrika ini menunjukkan negara-negara yang telah merdeka (bertanda hitam) dan yang kerajaannya dipegang oleh anak negeri (bertanda rintik-rintik), manakala yang masih putih ialah negeri yang sedang berjuang untuk merebut kemerdekaannya.

Nama negeri-negeri itu menurut angka dalam peta, seperti berikut: 1. Negeri Habshah, 2. Liberia, 3. Libya, 4. Tunis, 5. Negara Maghribi, 6. Republik Arab Bersatu (Mesir), 7. Sudan, 8. Ghana, 9. Kenya, 10. Sierra Leone, 11. Gambia, 12. Mauritania, 13. Mali, 14. Volta Hulu, 18. Niger, 19. Nigeria 20. Cameroon, 21. Republik Afrika Tengah, 22. Belgian Congo, 23. Tanganyika, 24. Uganda, 25. Somaliland British dan Perancis, 26. Somaliland Itali, 27. Madagascar, 28. Kesatuan Afrika Selatan, 29. Bechuana



mereka tidak bertenaga untuk bangun memberontak dan merebut kemerdekaan tanah airnya. Demikian juga kuasa-kuasa penjajah sesama sendiri telah bertolong bantu untuk mengekalkan benua Afrika dalam penderitaannya.

Tetapi masa beredar, gerakan kemerdekaan telah menjalar di seluruh benua Afrika. Sebaik-baik sahaja masuk tahun 1960 maka peta benua itu telah berubah sama sekali.

Tidak syak lagi, pada tahun 1960 ini, negara-negara di benua Afrika yang berjaya mencapai kemerdekaannya akan meningkat jumlahnya kepada 18 buah atau lebih.

Negara-negara Afrika Yang Telah Merdeka

Negara-negara di benua Afrika yang telah mencapai kemerdekaannya ialah:

Republik Arab Bersatu

Republik Arab Bersatu: Dalam zaman pimpinan Jamal Abdul Nasir, Mesir telah berjaya mengikis sisa


penjajah Inggeris daripada buminya. Pada bulan Februari 1958 terdirilah negara Republik Arab Bersatu, hasil persatuan Mesir dengan Suria (meskipun Suria terletak di benua Asia). Mesir – yang sekarang menjadi sebahagian dari negara Republik Arab Bersatu – terhitung sebagai negara yang besar sekali di benua Afrika (24 juta penduduknya). Kepala negara: Jamal Abdul Nasir. Ibu negerinya: Al-Qāhira.

Sudan

Sudan: Berjaya mencapai kemerdekaannya dari penjajahan Inggeris. Memilih cara pemerintahan Republik. Ketua kerajaannya: Ibrahim Abboud. Ibu Negeri: Al-Khartūm.

Libya

Libya: Al-Malik Idris al-Sanusi telah mengisytiharkan kemerdekaan negara Libya yang bersekutu (Barqa, Ṭarābulus dan Fezzan) dalam tahun 1950. Pernah dijajah oleh



Tiga peta benua Afrika ini menunjukkan perjalanan sejarah kemerdekaan negeri-negeri yang terkandung di dalamnya dalam tahun 1950 (lihat peta sebelah kanan) hanya dua buah negeri yang merdeka di benua itu (kedua-duanya bertanda hitam), pertama negara Habshah di Afrika Timur, dan negara Liberia di Afrika Barat.

Peta yang kedua – tengah-tengah – menunjukkan negara-negara Afrika yang telah merdeka penuh (sehingga tahun 1957) berjumlah 7 buah (bertanda hitam), iaitu: Mesir, Sudan, Habshah, Libya, Tunis, Maghribi dan Liberia.

Peta yang ketiga, menunjukkan negara-negara Afrika yang telah merdeka penuh (sehingga tahun 1959) bertambah dua lagi iaitu Ghana dan Kenya.

Itali pada tahun 1912 hingga akhir perang dunia yang kedua. Jumlah penduduknya satu juta suku. Mempunyai dua ibu negeri: Banghazi dan Tarābulus (Tripoli).

Tunis

Tunisia: Penduduknya lebih kurang empat juta. Dijajah oleh Perancis pada tahun 1956. Kepala negara: Habib Bourguiba. Sebahagian dari tentera Perancis masih mendudukinya (menunggu tamat tempohnya). Ibu negeri: Bandar Tunis.

Negara Maghribi

Negara Maghribi (Morocco): Penduduknya sebelas juta. Perancis telah memaksakan naungannya ke atas negeri ini pada tahun 1912 – setelah Sultan Muhammad yang kelima memimpin gerakan kemerdekaan dan berjuang bersama-sama rakyat jelata menentang penjajah. Negara Maghribi yang merdeka hari ini meliputi (daerah al-Sharīfiyyah yang dinaungi oleh Perancis dahulu, dan daerah al-Khalīfiyyah yang pernah dinaungi oleh Sepanyol, serta daerah Tanjah – Tangier – yang sebelum itu menjadi daerah antarabangsa). Tentera Perancis masih ada di situ dan akan keluar menurut peringkat-peringkat masanya yang telah ditetapkan. Pangkalan-pangkalan Amerika yang telah diadakan pada zaman perang dunia di negeri itu akan dikosongkan oleh tentera Amerika tidak lama lagi. Ibu negerinya: Al-Ribāt.

Liberia

Liberia: Republik ini telah didirikan pada tahun 1822 untuk kepentingan hamba abdi (bangsa hitam)

yang telah bebas dari perhambaan di Amerika. Jumlah penduduknya: dua juta setengah. Ibu negeri: Monrovia.

Ghana

Ghana: Nama lamanya (Gold Coast). Penduduknya: kira-kira lima juta. Ketua kerajaannya Kwame Nkrumah. Dijajah oleh Inggeris semenjak tahun 1871. Diisytiharkan kemerdekaannya pada tahun 1957. Masih tinggal dalam lingkungan Commonwealth Inggeris, dan dijangka akan keluar daripadanya tidak lama lagi. Ibu negerinya: Accra.

Guinea

Guinea: Pernah dijajah oleh Perancis. Letaknya di Afrika Barat. Penduduknya: Dua juta suku. Ibu negerinya: Conakry. Diisytiharkan kemerdekaannya dalam tahun 1958. Menarik diri dari kumpulan tanah jajahan Perancis. Ketua kerajaannya: Sékou Touré.

Negeri Habshah

Ethiopia (negeri Habshah): Sebuah negeri yang tua sejarahnya. Dijajah oleh Itali (Mussolini) pada tahun 1935, dan berjaya mencapai kemerdekaannya pada Perang Dunia yang Kedua dengan pimpinan Maharaja Haile Selassie, dan dapat pula mengambil balik akan daerah Eritrea, yang juga dijajah oleh Itali. Penduduknya berjumlah 17 juta. Ibu negerinya: Addis Abbaba.

Kesatuan Afrika Selatan

Kesatuan Afrika Selatan: Negara kesatuan ini meliputi tanah-tanah jajahan Inggeris dahulunya: Cape, Orania, Patala dan Transvaal: Penduduknya berjumlah 14 juta setengah. Kesatuan itu terdiri pada tahun 1950. Kemerdekaannya terhad, dan menjadi anggota

negara-negara Commonwealth British. (ketua kerajaannya: Hendri Verwoerd, yang telah ditembak pada 10 April yang lalu). Ibu negerinya Pretoria.

Cameroon

Cameroon: Pada mulanya dijajah oleh Jerman, kemudian dilapah dan dibahagi-bahagi sesama sendiri oleh Inggeris dan Perancis sesudah perang dunia yang pertama. Cameroon Perancis telah mengisytiharkan kemerdekaannya, pada awal Januari 1960 yang lalu. Penduduknya tiga juta lebih. Ibu negeri: Yaoundé. Ketua kerajaannya Ahmadou Ahidjo – kepelatan dari nama: “Ahmad Al-Haj”.

Dengan negeri Cameroon yang akhir ini, menjadilah negara-negara Afrika yang telah berjaya mencapai kemerdekaannya sehingga awal Januari 1960 berjumlah 11 buah, tiga buah di antaranya negara yang beraja, dan sembilan buah republik.

Kemerdekaan Dalam Tahun 1960

Di Afrika ada beberapa negara yang telah diakui hak menentukan nasibnya sendiri oleh kuasa-kuasa yang menjajahnya atau oleh Bangsa-bangsa Bersatu yang memegang amanahnya. Hak itu akan diperoleh jika dikehendaki dalam tahun 1960 ini dan sudah pun digunakan dengan sepenuhnya oleh salah sebuah dari antara negeri-negeri yang tersebut semenjak hari yang pertama dari tahun ini, iaitu negara Cameroon.

Yang lainnya, yang masih menunggu gilirannya ialah:

Togoland

Togoland: Pada mulanya dijajah oleh Jerman, lalu dibahagi-bahagi sesama sendiri oleh Inggeris dan Perancis, sesudah Jerman menyerah kalah dalam Peperangan Dunia yang Pertama. Apabila Ghana diisytiharkan kemerdekaannya,

menjadilah bahagian yang dijajah oleh Inggeris dari negara Togo itu bergabung dengan Ghana, manakala bahagian yang masih dijajah oleh Perancis, telah ditetapkan akan mendapat kemerdekaannya pada – 27 April 1960 ini. Penduduknya berjumlah satu juta seratus ribu. Ibu negerinya: Lomé.

Kerajaannya diketuai oleh Sylvanus Olympio.

Somaliland

Somaliland: Negara ini telah dibahagi-bahagi sesama sendiri oleh tiga kuasa penjajah: Inggeris, Perancis dan Itali. Somaliland Itali telah diletakkan menjadi amanah Bangsa-bangsa Bersatu semenjak tahun 1944 dan telah diiktiraf untuk mengisytiharkan kemerdekaannya pada awal bulan Julai 1960. Penduduknya berjumlah satu juta tiga ratus ribu. Ibu negerinya: Mogadishu. Rakyat Somaliland sendiri berazam hendak menyatukan negara yang telah dilapah-lapah oleh tiga kuasa penjajah ini, dalam sebuah negara yang bernama “Negara Somali Raya.”

Nigeria

Nigeria: Tanah jajahan British yang besar sekali di Afrika. Penduduknya 32 juta atau lebih. Ibu negerinya: Lagos. Kemerdekaannya akan diisytiharkan pada awal bulan Oktober 1960. Dengan itu akan menjadilah dia negara yang besar sekali di Afrika (berdasarkan jumlah penduduknya) dan yang kedua ialah Mesir (bahagian selatan dari negara Republik Arab Bersatu). Rakyat Nigeria sedang berjuang untuk mewujudkan sebuah negara besar yang meliputi Nigeria sendiri termasuk Dahomey yang sedang dijajah oleh Perancis dan Togoland yang akan merdeka pada 27 April 1960. Gerakan kebangsaan di Nigeria dipimpin oleh lima orang penganjur yang berpengaruh.

Senegal

Senegal: Tanah jajahan Perancis, sedang bersedia untuk menyambut hari kemerdekaannya. Penduduknya dua juta suku. Ibu negerinya: Dakar. Penganjur-penganjurnya telah bermuafakat dengan penganjur-penganjur negara “Sudan Perancis” yang berjiran, untuk mendirikan sebuah negara yang bersatu, dengan mana “Mali” (sebuah negara tua di Afrika). Bakal ketua kerajaannya ialah Modibo Keita.

Sudan Perancis

Sudan Perancis: Tanah jajahan Perancis yang akan bersatu dengan Senegal dengan nama “Mali”. Penduduknya kira-kira tiga juta setengah. Ibu negerinya: Bamako. Harus negara kesatuan ini akan meliputi tanah jajahan Dahomey dan Volta Hulu.

Volta dan Dahomey

Volta Hulu: Sebahagian dari Afrika Barat Perancis. Penduduknya 325 ribu. Ibu negerinya: Ouagadougou. Akan bersatu dalam negara kesatuan “Mali”.

Dahomey: sebahagian dari Afrika Barat Perancis. Penduduknya satu juta setengah. Ibu negerinya: Porto Novo. Akan bersatu dalam negara kesatuan “Mali”.

Madagascar

Madagascar: Salah sebuah pulau yang besar di dunia. Sedang dijajah oleh Perancis semenjak kurun Masihi yang ketujuh belas. Penduduknya kira-kira empat juta setengah. Ibu negerinya: Tananarivo. Akan mengisytiharkan kemerdekaannya pada tahun ini.

Kenya

Kenya: Tanah jajahan British. Penduduknya enam juta suku. Ibu negerinya: Nairobi. Terkenal dengan pemberontak puak “Mau Mau” yang dipimpin oleh Jomo Kenyatta. Setelah ia ditangkap maka pergerakan itu dipimpin oleh Tom Mabaya. Akan ditentukan nasibnya pada tahun 1960 ini.

Uganda

Uganda: Tanah jajahan British. Penduduknya lima juta setengah. Ibu negerinya: Entebbe. Nasibnya bergantung kepada nasib Kenya.

Al-Jazair (Algeria)

Al-Jazair (Algeria): Al-Jazair mempunyai kedudukannya yang khas. Rakyatnya sedang memberontak menentang penjajah Perancis semenjak tahun 1945. Apa gerakan yang akan berlaku di Al-Jazair dalam tahun 1960 ini? Penduduknya sepuluh juta. Ibu negerinya: Bandar Al-Jazair (Algiers).

Sedang Menunggu Kesudahan

Masih ada negara-negara di Afrika yang sedang menuntut kemerdekaannya, atau yang akan ditentukan nasibnya bersesuaian dengan apa yang akan dicapai oleh negara-negara jirannya. Negara-negara itu ialah:

1 – Tanah Jajahan Perancis

Mauritania

Mauritania: Penduduknya enam ratus ribu. Ibu negerinya: Nouakchott. Rakyatnya sedang berjuang untuk merebut kemerdekaan atau menyatukannya dengan negara jirannya: Negara Maghribi.

Ivory Coast, Niger, Chad

Ivory Coast: Penduduknya dua juta seratus ribu. Ibu negerinya: Abidjan. Ketua kerajaannya Houphouët-Boigny.

Niger: Penduduknya tiga juta. Ibu negerinya: Niamey.

Chad: Penduduknya dua juta suku. Ibu negerinya: Fort Lamy.

Republik Afrika Tengah

Republik Afrika Tengah: Dahulu bernama “Ubangi Shari”. Penduduknya sejuta lebih. Ibu negerinya Bangui.

Somaliland Perancis

Somaliland Perancis: Penduduknya tujuh ratus ribu. Ibu negerinya: Brazil.

Gabon

Gabon: Penduduknya empat ratus ribu. Ibu negerinya: Ibreville.

2 - Tanah Jajahan Inggeris

Gambia, Sierra Leone

Gambia: Suatu daerah kecil terletak dalam negeri Senegal. Penduduknya tiga ratus ribu. Ibu negerinya: Bathurst. Nasibnya bergantung dengan nasib Senegal.

Sierra Leone: Penduduknya dua juta. Ibu negerinya: Free Town.

Afrika Barat Daya

Afrika Barat Daya: Bekas tanah jajahan Jerman. Termasuk dalam kesatuan Afrika Selatan. Diperintah oleh Inggeris dengan cara tidak langsung. Penduduknya setengah juta. Ibu negerinya: Windhoek.

Tanganyika

Tanganyika: Bekas tanah jajahan Jerman. Rakyatnya yang dipimpin oleh Julius Nyerere sedang berjuang untuk merebut kemerdekaan. Tahun 1960 menjadi titik peralihan bagi tanah jajahan ini. Penduduknya sembilan juta. Ibu negerinya: Dar es Salaam.

Nyasaland

Nyasaland: Penduduknya dua juta setengah. Ibu negerinya: Zumba. Pemerintahannya bersekutu dengan Rhodesia pertengahan di antara orang-orang yang berkulit putih dengan orang-orang yang berkulit hitam sedang menjadi-jadi di negeri itu. Rakyatnya sedang berjuang terus untuk merebut kemerdekaan.

Rhodesia

Rhodesia: Terbahagi kepada dua daerah: Rhodesia Selatan, penduduknya dua juta setengah. Ibu negerinya Salisbury. Dan Rhodesia Timur, penduduknya dua juta tiga ratus ribu. Ibu negerinya: Lusaka.

Bechuanaland

Bechuanaland: Penduduknya berjumlah tiga ratus tiga puluh ribu. Ibu negerinya: Mfecane.

Orania

Orania: Termasuk dalam kesatuan Afrika Selatan. Penduduknya satu juta, terkenal dengan nama orang-orang “Boer”. Ibu negerinya: Bloemfontein

Transvaal

Transvaal: Termasuk dalam kesatuan Afrika Selatan. Penduduknya lima juta suku. Ibu negerinya Johannesburg.

Somaliland British

Somaliland British: Penduduknya enam ratus

puluh ribu. Ibu negerinya: Hargeisa. Nasibnya bergantung pada negara Somaliland Itali yang akan mencapai kemerdekaannya pada tahun 1960 ini.

Zanzibar

Zanzibar (Zangibar): Penduduknya kira-kira tiga ratus ribu. Ibu negerinya: Bandar Zanzibar.

3 – Tanah Jajahan Belgium

Belgian Congo

Belgian Congo: Penduduknya kira-kira tiga belas juta. Ibu negerinya: Léopoldville. Rakyatnya sedang juang terus-menerus untuk merebut kemerdekaan. Kerajaan Belgium sudah pun sanggup menunaikan tuntutan rakyatnya dengan berperingkat-peringkat, mulai tahun ini.

Ruanda-Urundi

Ruanda-Urundi: Penduduknya empat juta setengah. Ibu negerinya: Usumbura. Rakyatnya sedang berjuang dan mempunyai perhubungan dengan gerak kemerdekaan di negeri Konggo.

4 – Tanah Jajahan Sepanyol

Río de

Río de Oro: Terletak di selatan negara Maghribi. Penduduknya tiga puluh lima ribu. Ibu negerinya: Bila Villa Cisneros.

Guinea Sepanyol

Guinea Sepanyol: Penduduknya dua ratus sepuluh ribu. Ibu negerinya: Santa Isabel.

5 – Tanah Jajahan Portugis

Guinea Portugis

Guinea Portugis: Penduduknya lima ratus lima puluh ribu. Ibu negerinya: Bissau.

Angola: Penduduknya empat juta setengah. Ibu negerinya: Aluanda¹. Dalam tanah jajahan ini tidak juga kurangnya penindasan terhadap rakyat yang berkulit hitam, dan negara-negara Afrika yang telah merdeka kedengaran berkali-kali mengutuk perbuatan yang tidak berperikemanusiaan itu.

Mozambique

Mozambique: Penduduknya enam juta. Ibu negerinya: Lourenço Marques.

Masa Depan Jelas Nyata

Masa depan untuk Benua Afrika, sebenarnya telah jelas nyata. Setengah-setengah negaranya telah mencapai kemerdekaan. Setengahnya yang lain sedang berada di pintu gerbang kemerdekaan. Dan setengahnya sedang berjuang terus-menerus.

Lima kuasa penjajah telah menjajah Benua Afrika.

Satu di antaranya ialah Itali yang telah kehilangan segala-galanya.

Sepanyol masih berbaki sebuah dua.

Portugis, sedang bertungkus-lumus hendak menjauhkan gerakan-gerakan kebangsaan daripada menjangkit di tanah-tanah jajahannya.

Perancis pula, sedang berperang di Algeria dan telah kehilangan segala harapannya untuk mempertahankan empayarnya.

Manakala Inggeris sedang bersedia hendak tunduk kepada kenyataan, kepada semangat kemerdekaannya yang bemyala-nyala dalam kebanyakan tanah-tanah jajahannya.

Dalam perhimpunan bangsa-bangsa bersatu, negara-negara Asia – Afrika makin sehari makin bertambah bilangannya terus-menerus. Suatu hal yang membayangkan bahawa kedudukan bangsa-bangsa bersatu akan berubah sama sekali.

¹ Wikipedia Luanda, Qalam Aluanda